

06/08/2003

PM, Pak Lah sambut

KEPULANGAN Abdul Malik Mydin ke tanah air Jumaat ini dijangka disambut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi - dua tokoh penjana semangat perenang maraton negara itu hingga berjaya menyeberangi Selat Inggeris.

Malik dijadualkan berlepas dari London dengan pesawat Penerbangan Malaysia, jam 10 mlm (waktu tempatan) Khamis ini dan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), jam 5.30 petang. Turut menyambut Malik ialah Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein.

Sementara itu, Malik yang kini berada di London menerima surat ucapan tahniah daripada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamallulail serta Dr Mahathir, semalam. Surat-surat itu disampaikan oleh pegawai pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia kepada Malik kira-kira jam 12.15 semalam.

Dalam suratnya Dr Mahathir berkata: "Saya dan isteri mengucapkan syabas di atas kejayaan Malik berenang merentasi Selat Inggeris. Sesungguhnya cabaran yang dihadapi bukanlah sesuatu yang mudah dengan keadaan cuaca sejuk, ombak besar setinggi dua meter dan arus kuat.

"Hanya orang yang kental dan daya tahan yang kuat akan beroleh kejayaan. Saya berbangga dengan kejayaan Malik dan seluruh rakyat Malaysia juga rasa bangga di atas kejayaan Malik."